

BIRIGITTA Justin Liew
mendukung anaknya untuk ke
kedai membeli bekalan.



SABAH/SARAWAK DILANDA BAH

40,000 terjejas

■ Beaufort, Membakut, Sipitang lumpuh

Oleh Erdiehazzuan Ab Wahid
hmkk@hmetro.com.my
Kota Kinabalu

Tiga daerah di negeri ini hampir 'lumpuh' apabila sebahagian besar kawasan terputus hubungan darat berikutan beberapa laluan tenggelam akibat hujan lebat, selain limpahan air sungai sejak kelmarin.

Fenomena alam itu menyebabkan kebanyakan kawasan rendah di Beaufort, Membakut dan Sipitang mulai tenggelam menyebabkan aktiviti harian lebih 40,000 penduduk terjejas.

Pada masa sama, seramai 3,039 mangsa membabitkan 1,035 keluarga dari 56 kampung di tiga daerah itu sudah dipindahkan ke 10 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang dibuka sejak beberapa

hari lalu.

Bagaimanapun, keadaan di Tenom yang sebelum ini turut dilanda banjir, kembali pulih dan penduduk dilihat mulai pulang ke rumah masing-masing selepas menghadapi air semakin surut.

Pegawai Daerah Beaufort Mohd Shaid Othman berkata, sehingga jam 4 petang semalam, seramai 1,214 mangsa membabitkan 396 keluarga dipindahkan ke empat PPS berikutan kediaman mereka mula dinaiki air.

"Antara PPS yang dibuka serta merta termasuklah di Dewan Datuk Seri Panglima Mohd Dun, Sekolah Kebangsaan (SK) Pekan Beaufort, Dewan Kampung Suasa dan Dewan Serbaguna Kampung Kukut.

"Banjir yang melanda daerah ini menyebabkan lebih 28 kampung terjejas, selain beberapa laluan utama juga terputus hubungan," katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, Penolong Pegawai Daerah Membakut Sanudin Ismail berkata, jumlah mangsa di Daerah Kecil Membakut direkodkan seramai 1,694 daripada 604 keluarga.

"Semua mangsa yang dipindahkan kini ditempatkan di lima PPS iaitu di Dewan Serbaguna Membakut, Dewan Serambi Warisan Sekolah Menengah (SM) St Patrick dan dua lagi PPS sekitar kawasan terjejas.

"Sekiranya keadaan meruncing, kami akan mem-

Info

PPS
di Sabah



- **BEAUFORT**
 - * Dewan Datuk Seri Panglima Mohd Dun
 - * SK Pekan Beaufort
 - * Dewan Kampung Suasa
 - * Dewan Serbaguna Kampung Kukut
- **MEMBAKUT**
 - * Dewan Serbaguna Pekan Membakut
 - * Dewan Serambi Warisan
 - * SM St Patrick
 - * Rumah Besar Bambangan
 - * Dewan Mini Bawan
 - * Dewan Saga-Saga (akan dibuka mengikut keadaan semasa)
 - * Dewan Tahak (akan dibuka mengikut keadaan semasa)
- **SIPITANG**
 - * Dewan Masyarakat Sipitang

bukan beberapa lagi PPS, namun bergantung kepada keadaan semasa," katanya.

FAKTA
Banjir yang melanda Beaufort menyebabkan lebih 28 kampung terjejas